

Lelaki miliki syabu dipenjara 14 bulan

MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 14 bulan oleh Mahkamah Majistret Miri, semalam atas kesalahan memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam selepas tertuduh, Anthony Amit, 30, dari Kampung Penempatan Bukit Peninjau, Jalan Miri-Bintulu dekat sini mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen

12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan itu, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan keterangan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 4.87 gram.

Methamphetamine merupakan satu item yang tersenarai

dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 9.15 pagi, 20 Disember 2025 di sebuah pondok khemah di tepi Jalan Bakam, Lambir di sini.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan dari tarikh tangkapan pada 20 Disember 2025.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Syafiq Samry manakala tertuduh tidak diwakili